

# MCA yakin PM akan teliti dahulu laporan

KUALA LUMPUR 27 Nov. — MCA yakin Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mendengar penjelasan dan meneliti laporan terlebih dahulu sebelum menjatuhkan hukuman ke atas dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang yang berkecuali dalam pengundian menentang usul pembangkang minggu lalu.

Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Lim Ah Lek berkata, parti itu bagaimanapun sedia menerima sebarang kemungkinan termasuk pemecatan kedua-dua ADUN MCA itu dari BN sekiranya ia diputuskan oleh Perdana Menteri.

“Saya rasa Perdana Menteri akan memberi peluang mereka membela diri terlebih dahulu.

“Beliau (Dr. Mahathir) tidak akan menjatuhkan hukuman sebelum menyemak laporan mengenainya,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Cheng Liang menyatakan tindakan mereka dibuat atas kehendak rakyat di kawasan yang diwakilinya manakala Boo Chang enggan memberi sebarang komen.

Menurut Ah Lek, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengarahkan Pengerusi Badan Perhubungan BN Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan Ketua Whip Pulau Pinang, Datuk Dr. Hilmi Yahya supaya mengemukakan laporan terus kepada Dr. Mahathir.

Lembaga Disiplin MCA bagaimanapun belum memanggil kedua-dua ADUN untuk memberi penerangan mengenai kejadian itu, katanya.

Sementara itu, Pengerusi Wanita Gerakan, Datuk Rhina Bhar berkata, kedua-dua ADUN itu harus menerima tindakan disiplin BN kerana wakil rakyat BN faham bahawa mereka perlu menegakkan pandangan parti dalam sidang DUN atau Parlimen.

“Satu keputusan yang dibuat berdasarkan semangat konsensus dan tolak ansur BN harus dipatuhi dan disokong.

“Jika tidak, tidak ada gunanya kita mempunyai BN,” tegasnya.